



“Jika ditilik benar-benar, ada tiga sumber yang menghidupkan cita-cita demokrasi sosial itu dalam kalbu pemimpin-pemimpin Indonesia di waktu itu. Pertama faham sosialis Barat, yang menarik perhatian mereka kerana dasar-dasar peri kemanusiaan yang dibelanya dan menjadi tujuannya. Kedua ajaran Islam, yang menuntut kebenaran dan keadilan Ilahī dalam masyarakat serta persaudaraan antara manusia sebagai makhluk Tuhan, sesuai dengan sifat Allah yang pengasih dan penyayang. Ketiga pengetahuan bahawa masyarakat Indonesia berdasarkan *collectivism*, paduan semuanya itu hanya memperkuat keyakinan, bahawa bangunan demokrasi yang akan menjadi dasar pemerintahan Indonesia di kemudian hari haruslah sesuatu perkembangan daripada demokrasi asli, yang berlaku di dalam dunia Indonesia.

“Negara-negara Indonesia lama adalah negara feodal, yang dikuasai oleh raja autokrat. Sungguhpun begitu di dalam desa-desa sistem demokrasi terus berlaku, tumbuh dan hidup, sebagai adat istiadat. Bukti ini menanam keyakinan, bahawa demokrasi Indonesia yang asli kuat bertahan, liat hidupnya. Seperti kata pepatah Minangkabau “ Indak lakang dek paneh, indak lapuak dek ujan.”

“Demokrasi asli itu di-idealiser dalam pergerakan kebangsaan dahulu. Dan orang cuba membuat konsepsi demokrasi Indonesia yang moden, berdasarkan demokrasi desa yang asli itu. Analisa sosial menunjukkan, bahawa demokrasi asli Indonesia kuat bertahan di bawah feudalisme, kerana tanah sebagai faktor proksi yang terpenting adalah milik bersama kepunyaan masyarakat desa. Bukan

# Indonesia

## Demokrasi Indonesia Ala Sukarno

(4)

Tinjauan Risalah “Demokrasi Kita”

Karangan Dr Hatta

(Oleh: Aria Jembel)

Bekas Naib Presiden Republik Indonesia,

Dr Mohammad Hatta, menyambung pula huraiannya tentang demokrasi Indonesia itu di dalam risalahnya

“Demokrasi Kita” sebagai berikut:

kepunyaan raja. Dan sejarah sosial di benua Barat memperlihatkan, bahawa pada zaman feudalisme milik tanah adalah dasar kemerdekaan dan kekuasaan. Siapa yang hilang haknya atas tanah, hilang kemerdekaannya. Ia terpaksa menggantungkan hidupnya kepada orang lain; ia menjadi budak pekarangan tuan tanah.

“Oleh kerana dalam Indonesia dahulu kala milik tanah adalah pada masyarakat desa, maka demokrasi desa boleh ditindas hidupnya oleh kekuasaan feudalisme yang meliputinya dari atas, tetapi tidak dapat dilenyapkan. Berdasarkan milik bersama atas tanah, tiap-tiap orang seorang dalam mempergunakan tenaga ekonominya merasa perlu akan persetujuan kaumnya. Kelanjutan daripada itu didapati pula, bahawa segala usaha yang berat, yang tidak terkerjakan oleh tenaga orang seorang, dikerjakan bersama secara gotong-royong. Bukan sahaja hal-hal yang menurut sistem *juridice* Barat, termasuk ke dalam hukum *public* dikerjakan begitu, tetapi juga yang mengenai hal-hal *private* seperti mendirikan rumah, mengerjakan sauh, menghantar mayat ke kubur dan lain-lain. Adat hidup semacam itu membawa kebinasaan bermesyuarat. Segala hal yang mengenai kepentingan umum dipersoalkan bersama-sama dan keputusan diambil dengan kata sepakat seperti disebut dalam pepatah Minangkabau: “Bulat air kerana pembuluh, bulat kata kerana sepakat.” Kebiasaan mengambil keputusan dengan mesyuarat dan muafakat menimbulkan institut rapat pada tempat yang tertentu, di bawah pimpinan kepala desa. Segala orang dewasa di antara anggota-anggota asli desa berhak hadir dalam rapat itu.

“Ada dua anasir lagi daripada demokarasi



*Dr Mohammad Hatta*

desa yang asli di Indonesia. Iaitu hak untuk mengadakan protes bersama terhadap peraturan-peraturan raja yang dirasakan tidak adil, dan hak rakyat untuk menyingkir dari daerah kekuasaan raja, apabila ia merasa tidak senang lagi hidup di sana. Benar atau tidak, yang kemudian ini sering dianggap sebagai hak orang seorang untuk menentukan nasib sendiri. Hak mengadakan protes bersama itu biasa dilakukan sampai pada masa yang akhir ini. Apabila rakyat merasa keberatan sekali atas peraturan yang diadakan oleh pembesar daerah, maka kelihatan rakyat datang sekali banyak kealu-aluan di muka rumahnya dan duduk di situ beberapa lama dengan tiada berbuat apa-apa. Ini merupakan suatu demokrasi secara damai. Tidak sering rakyat Indonesia dahulu, yang bersifat sabar dan suka

menurut, berbuat begitu. Akan tetapi, apabila ia sampai berbuat begitu, maka itu menjadi pertimbangan bagi penguasa, apakah ia akan mencabut kembali atau mengubah pemerintahnya.

“Kelima anasir demokrasi asli itu: Rapat, muafakat, gotong-royong, hak mengadakan protes bersama dan hak menyingkir dari daerah kekuasaan raja, dipuja dalam lingkungan pergerakan nasional sebagai pokok yang kuat bagi demokrasi sosial, yang akan dijadikan dasar pemerintahan Indonesia merdeka di masa datang. Tidak semua dari yang nampak bagus pada demokrasi desa dapat dipakai pada tingkat yang lebih tinggi dan moden. Tetapi sebagai dasar ia dipandang terpakai. Betapa pun juga, orang tak mahu melepaskan cita-cita demokrasi sosial, yang banyak sedikitnya bersendi kepada organisasi sosial di dalam masyarakat asli sendiri.

“Di dalam segi politik dilaksanakan sistem perwakilan rakyat dengan *mushawwarah*, berdasarkan kepentingan umum: Demokrasi desa yang begitu kuat hidupnya adalah pula dasar bagi pemerintahan autonomi yang luas di daerah-daerah cermin daripada “pemerintahan dari yang diperintah.”

“Dalam segi ekonomi, semangat gotong-royong yang merupakan koperasi sosial adalah dasar yang sebaik-baiknya untuk membangun koperasi ekonomi sebagai dasar perekonomian rakyat. Keyakinan tertanam, bahawa hanya dengan koperasi dapat dibangun kemakmuran rakyat.

“Dalam segi sosial diadakan jaminan untuk perkembangan keperibadian manusia. Manusia bahagia,

sejahtera dan susila menjadi tujuan negara.

### Falsafah Negara Kita

“Demikianlah tumbuh beransur-ansur dalam pengakuan pergerakan kebangsaan dan kemerdekaan dahulu cita-cita demokrasi sosial yang menjadi dasar bagi pembentukan negara republik Indonesia yang merdeka, bersatu, berdaulat, adil dan makmur. Cita-cita itu dituangkan di dalam pembukaan Undang-undang Dasar 1945. Sungguhpun cukup diketahui isinya, ada baiknya dimuat jua isinya yang lengkap untuk menyegarkan ingatan kembali:

“Bahawa sesungguhnya kemerdekaan itu ialah hak segala bangsa dan oleh sebab itu maka penjajahan di atas dunia harus dihapuskan, kerana tidak sesuai dengan peri kemanusiaan dan peri keadilan dan perjuangan pergerakan Indonesia telah sampailah kepada

Khusyukkah solat tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa tidak ada harganya” - kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga diri, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

**Sujudlah kepada Tuhanmu!**

Disusun oleh Edrus

Sebuah buku *Seri*el Syarahan 2 yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

saat yang berbahagia dan selamat sentosa menghantarkan rakyat Indonesia ke hadapan pintu gerbang kemerdekaan negara Indonesia, yang merdeka, bersatu, berdaulat, adil dan makmur. Atas berkat rahmat Allah yang Maha Kuasa dan dengan didorongkan oleh keinginan luhur, supaya berkehidupan kebangsaan yang bebas, maka rakyat Indonesia menyatakan dengan ini kemerdekaannya. Kemudian daripada itu, untuk membentuk suatu pemerintah negara Indonesia yang melindungi segenap bangsa Indonesia dan seluruh tumpah darah Indonesia dan untuk memajukan kesejahteraan umum, mencerdaskan kehidupan bangsa, dan ikut melaksanakan ketertiban dunia yang berdasarkan kemerdekaan, perdamaian abadi dan keadilan sosial, maka disusunlah kemerdekaan kebangsaan Indonesia itu dalam suatu undang-undang negara Indonesia, yang terbentuk dalam suatu susunan negara Republik Indonesia yang berkedaulatan rakyat dengan berdasar kepada: Ketuhanan yang Maha Esa, kemanusiaan yang adil dan beradab, persatuan Indonesia, dan kerakyatan yang dipimpin oleh hikmah kebijaksanaan dalam permesuaratan perwakilan, serta dengan mewujudkan suatu keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia.”

Siapa yang membaca pembukaan itu dengan teliti, ia dapat menangkap tiga buah pernyataan yang penting di dalamnya.

Pertama, pernyataan dasar politik dan cita-cita bangsa Indonesia. Kemerdekaan diakui sebagai hak tiap-tiap bangsa, penjajahan harus lenyap di atas dunia kerana bertentangan dengan peri kemanusiaan dan peri keadilan. Pernyataan ini lahir dari penderitaan sendiri, tidak sahaja menentukan politik ke dalam, tetapi

mempengaruhi juga politik luar negara Republik Indonesia. Dalam analisa keempat diperkuat pendapat itu dengan meletakkan kewajipan atas pemerintah untuk “ikut serta melaksanakan ketertiban dunia berdasarkan kemerdekaan perdamaian abadi dan keadilan sosial.”

Di sinilah perlu terletak dasar fundamental daripada politik luar negara Republik Indonesia yang terkenal sebagai politik bebas dan aktif.

Kedua, pernyataan tentang hasilnya tuntutan politik bangsa Indonesia, dengan kurnia Allah. “Dengan kurnia Allah” - ini dalam ertinya di sini terletak pengakuan, bahawa Indonesia tidak akan merdeka, jika kemerdekaan itu tidak diberkati oleh Tuhan. Tuhan memberkati kemerdekaan Indonesia, kerana rakyat Indonesia memperjuangkannya

#### BUKU2 RUMI

|                                   |     |     |     |     |        |
|-----------------------------------|-----|-----|-----|-----|--------|
| *Pendidikan                       | ... | ... | ... | ... | \$1.20 |
| *Akhlaq                           | ... | ... | ... | ... | 1.20   |
| *Surat Menyurat                   | ... | ... | ... | ... | 1.50   |
| *Jalan ka-Kota Baharu             | ... | ... | ... | ... | 1.50   |
| Penglipor                         | ... | ... | ... | ... | 1.50   |
| Panduan Pekedai2 Kechil           | ... | ... | ... | ... | 0.70   |
| Balek Dari Medan Perjuangan       | ... | ... | ... | ... | 1.00   |
| Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang | ... | ... | ... | ... | 2.00   |
| Keris Sempena Riau                | ... | ... | ... | ... | 1.00   |
| Tinjauan Sastera Tanah Ayer       | ... | ... | ... | ... | 1.50   |
| Sisa Neraka Dunia                 | ... | ... | ... | ... | 1.00   |

Buku A.B.C. (buku bacaan) di-dalam-nya tiga warna (sedang di-chitak).

\*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskah Rumi. Kerana buku ini ada naskah Jawi-nya.

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

sungguh-sungguh untuk korban yang tidak sedikit. Cita-cita yang jadi pedoman bukan hanya kemerdekaan bangsa, tetapi suatu Indonesia yang merdeka, bersatu, berdaulat, adil dan makmur. Pelaksanaan ini menjadi kewajiban moral!

Ketiga, pernyataan tentang Pancasila sebagai falsafah atau ideologi negara, iaitu ketuhanan yang Maha Esa, peri kemanusiaan, persatuan Indonesia, kerakyatan dan keadilan sosial. Dasar yang tinggi-tinggi ini dirasakan perlu sebagai bimbingan untuk melaksanakan kewajiban moral yang berat itu.

Pengakuan di muka Tuhan akan berpegang pada Pancasila itu tidak mudah diabaikan. Dan di situ pulalah terletak jaminan, bahawa demokrasi tidak akan lenyap di Indonesia. Ia dapat ditekan sementara dengan berbagai rupa. Akan tetapi lenyap dia tidak. Lenyap demokrasi bererti lenyap Indonesia merdeka. Jika diperhatikan benar-benar, Pancasila itu terdiri atas dua pondamen. Pertama pondamen moral, iaitu ketuhanan yang Maha Esa. Kedua, pondamen politik, iaitu peri kemanusiaan, persatuan, demokrasi dan keadilan sosial. Dengan meletakkan dasar moral di atas, diharapkan oleh mereka yang memperbuat pondomen negara ini, supaya negara dan pemerintahnya memperoleh dasar yang kukuh, yang mempertahankan kebenaran, keadilan, kebaikan, kejujuran serta persaudaraan keluar dan ke dalam dengan politik pemerintahan yang berdasarkan kepada moral yang tinggi diharapkan tercapainya – seperti yang tertulis di dalam pembukaan itu – “suatu keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia.”

Dasar ketuhanan yang Maha Esa jadi dasar yang memimpin cita-cita kenegaraan Indonesia untuk menyelenggarakan segala yang baik rakyat dan masyarakat, sedangkan dasar peri kemanusiaan adalah kelanjutan dengan perbuatan daripada dasar yang memimpin tadi dalam praktik hidup. Dasar persatuan Indonesia sebagai negara nasional yang satu dan tidak terbahagi-bahagi, berdasarkan ideologi sendiri. Dasar kerakyatan menciptakan pemerintahan yang adil yang mencerminkan kemahuan rakyat, yang dilakukan dengan rasa tanggungjawab, agar terlaksana keadilan sosial ini adalah pedoman dan tujuan keduanya. Dengan dasar-dasar ini sebagai pimpinan dan pegangan, pemerintahan negara pada hakikatnya tidak boleh menyimpang dari jalan yang lurus untuk mencapai kebahagiaan rakyat dan keselamatan masyarakat, perdamaian dunia serta persaudaraan bangsa-bangsa. Dengan bimbingan dasar-dasar yang tinggi dan murni itu akan dilaksanakan tugas yang tidak dapat dikatakan ringan. Manakala kesasar sewaktu-waktu dalam perjalanan, kerana kealpaan atau digoda hawa nafsu, ada teras sentiasa desakan ghaib yang membimbing kembali ke jalan yang benar.

Demikianlah harapan idealis yang merumuskan falsafah negara dan undang-undang dasar Republik Indonesia dalam saat bersejarah, yang menentukan nasib bangsa. Satu ciptaan, mungkin pegangan untuk menempuh jalan yang baik sangat diperlukan. Dasar-dasar itu menuntut kepada manusia Indonesia, kepada pimpinan-pimpinan politik dan kepada orang-orang negara untuk melatih diri, supaya sanggup berbuat baik dan jujur, sesuai dengan janji yang diperbuat di muka Tuhan....”

(bersambung)